

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI
PENGGERUSI LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-
UNDANG, MALAYSIA**

**MAJLIS KONVOKESYEN KE-23 PEPERIKSAAN SIJIL
AMALAN GUAMAN**

TARIKH : 12 APRIL 2018 (KHAMIS)

MASA : 3.15 PTG. – 3.30 PTG.

**TEMPAT : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA,
KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah.

Ampun Tuanku, Sembah patik mohon diampun,

2. Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli berangkat bagi menghadiri Majlis Konvokesyen ke-23 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dan menyampaikan titah ucapan.

3. Sesungguhnya, keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Majlis ini menunjukkan betapa besarnya komitmen dan keperihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap

pendidikan undang-undang khususnya perkara-perkara berkaitan dengan latihan dan amalan kepeguaman di Malaysia.

Ampun Tuanku,

4. Patik dengan penuh hormat dan takzimNya memohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mengizinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku,

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman,

Yang Arif dan Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan,

Sahibus Samahah Datuk Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri,
Mufti Wilayah Persekutuan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-
Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Terlebih dahulu, marilah kita mengatur syukur ke hadrat Allah Subhanuahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya dapat kita berkumpul di dewan ini bagi menghadiri Upacara Penyampaian Sijil dan Hadiah untuk Konvokesyen ke-23 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2017. Bagi pihak Lembaga Kelayakan, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama meraikan acara yang bersejarah dan penuh gilang-gemilang ini.

6. Sesungguhnya, Majlis ini adalah amat bermakna bukan hanya kepada para lulusan dan ibubapa atas pengiktirafan yang diberikan, bahkan juga kepada semua yang terlibat,

termasuklah kepada Lembaga Kelayakan sendiri. Ini kerana, Majlis Konvokesyen yang diadakan ini sesungguhnya merupakan satu manifestasi kejayaan semua pihak dalam melahirkan bakal-bakal peguam yang akan mencorakkan landskap perundangan negara kelak.

7. Untuk makluman semua, tahun 2017 merupakan tahun ke-33 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dijalankan. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan, semasa kali pertama Peperiksaan Sijil Amalan Guaman diperkenalkan pada tahun 1984, ia merupakan suatu kaedah untuk melayakkan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada universiti-universiti di United Kingdom yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir Bar di United Kingdom, menjadi “orang berkelayakan” di bawah Akta 166. Bertitik tolak daripada itulah, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ini kemudiannya telah turut dibuka kepada lulusan ijazah undang-undang daripada universiti tempatan swasta dan universiti-universiti tertentu di luar negara bagi maksud yang sama.

8. Kini, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sememangnya sungguh sinonim dengan sistem pendidikan perundangan negara kerana lulusan undang-undang daripada universiti-universiti swasta dan universiti-universiti tertentu di Australia dan New Zealand yang ingin diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Malaysia diwajibkan untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman untuk menjadi “orang berkelayakan” di bawah Akta 166.

Ampun Tuanku,

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato’-Dato’, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Profesion undang-undang, seperti juga profesion-profesion lain di Malaysia, telah banyak melalui fasa perubahan selari dengan arus persekitaran yang global. Bagi mempersiapkan para lulusan kita dengan pengetahuan dan

kemahiran yang mencukupi untuk menghadapi arus globalisasi dalam sektor perundangan ini, saya dimaklumkan bahawa suatu Jawatankuasa Perundangan Khas telah ditubuhkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan untuk menyediakan suatu rangka tindakan (*blueprint*) yang holistik bagi profesion undang-undang di Malaysia supaya ia kekal berkualiti dan relevan. Jawatankuasa Perundangan Khas ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dari agensi Kerajaan, termasuklah wakil Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Badan Kehakiman, institut pengajian tinggi, firma-firma guaman serta persatuan pengamal undang-undang negeri.¹ Perkara-perkara yang diberi perhatian oleh Jawatankuasa Perundangan Khas ini adalah:

¹ Laman sesawang rasmi *Special Consultative Committee* di <https://lpaconsultation.com.my/members-of-the-scc/>

- i. Mengenalpasti dan mengkaji isu dan masalah yang berhubung kait dengan profesion undang-undang di Malaysia;
 - ii. Mengkaji keberkesanan kerangka perundangan sedia ada berkaitan dengan profesion undang-undang bagi memastikan perkembangan dan pembangunan profesion undang-undang di Malaysia adalah sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa dan memenuhi keperluan semasa; dan
 - iii. Menjalankan kajian perbandingan undang-undang dan amalan terbaik yang digunapakai oleh negara-negara lain untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dikenal pasti bagi maksud memperkukuhkan profesion undang-undang di Malaysia.
10. Untuk makluman semua, antara isu yang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Perundangan Khas ini adalah mengenai

kewajaran pelaksanaan *Common Bar Examination* yang dicadangkan untuk bertindak sebagai *a uniform entry point* bagi semua graduan undang-undang di Malaysia. Selain bertujuan bagi maksud penyeragaman, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan undang-undang dengan memberi fokus yang lebih kepada kemahiran praktikal dan profesional sebagai persediaan kepada graduan undang-undang sebelum mereka memasuki Profesion Undang-Undang yang sebenar. Saya difahamkan bahawa perkara ini masih di peringkat kajian dan perbincangan yang mana hasil kajian oleh Jawatankuasa Perundingan Khas ini kelak akan dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Ampun Tuanku,

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Pada kesempatan ini juga, izinkan saya melaporkan keputusan Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman bagi tahun 2017. Untuk makluman semua, Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman tahun 2017 telah dijalankan pada 1 Ogos hingga 11 Ogos 2017 yang lalu. Manakala, Peperiksaan Tambahan pula telah diadakan pada 13 November hingga 22 November 2017.

12. Secara keseluruhannya, keputusan pada tahun 2017 telah menunjukkan peningkatan peratus calon yang lulus berbanding keputusan pada tahun 2016. Daripada satu ribu lima ratus empat belas (1514) orang calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman pada tahun 2017, seramai enam ratus dua puluh lapan (628) orang calon atau 41.5% telahpun lulus dengan jayanya. Ini merupakan peningkatan sebanyak 1.5% berbanding keputusan tahun 2016. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa seramai seratus dua puluh dua (122) orang calon atau 8% mendapat Kelulusan Bersyarat, iaitu peningkatan sebanyak 5.2% berbanding keputusan tahun

2016. Manakala, 764 atau 50.5% orang calon Peperiksaan tahun 2017 telah gagal.

13. Jika diteliti pencapaian calon mengikut mata pelajaran juga, terdapat peningkatan pada keputusan pada tahun 2017 bagi kebanyakan mata pelajaran. Mata pelajaran *General Paper* mencatatkan peratusan tertinggi bagi calon yang lulus sebanyak 79.11%; iaitu peningkatan sebanyak 1.31% berbanding tahun 2016. Ini diikuti dengan mata pelajaran *Professional Practice* yang mana peratusan calon yang lulus ialah sebanyak 64.81%, dengan peningkatan sebanyak 1.82%. Akan tetapi, mata pelajaran *Evidence* hanya mencatatkan keputusan 61.50% calon yang lulus; iaitu penurunan sebanyak 12.29% berbanding tahun 2016. Dua lagi mata pelajaran iaitu *Civil Procedure* dan *Criminal Procedure* masih mencatatkan peratusan calon lulus terendah sejak tahun 2016 hingga 2017. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2017, peratusan calon yang lulus bagi kedua-dua mata pelajaran ini menunjukkan kenaikan masing-masing sebanyak 13.3% dan 12.2%.

14. Walaupun peratusan calon yang lulus pada tahun ini secara amnya telah meningkat, namun masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian. Antara komen dan ulasan utama yang diberikan oleh para pemeriksa kertas soalan adalah kurangnya kefahaman calon-calon terhadap pemakaian sesuatu peruntukan undang-undang itu sendiri. Selain itu, calon juga didapati kurang mahir dalam mengenal pasti isu undang-undang yang menjadi persoalan serta kurang arif untuk mengaplikasikan pengetahuan undang-undang yang diperolehi kepada fakta sesuatu kes yang diberikan. Terdapat juga segelintir calon yang hanya menghafal dan memberikan jawapan standard tanpa benar-benar memahami isu undang-undang yang terlibat. Diperhatikan juga bahawa bagi soalan yang memerlukan pandangan dan perbincangan secara analitikal, rata-rata calon didapati tidak dapat memberikan jawapan yang baik, di samping penulisan jawapan dan pliding juga dilihat masih banyak perlu diperbaiki.

15. Sebagai Pengerusi Lembaga Kelayakan, saya melihat komen-komen yang diberikan ini dengan penuh minat dan teliti. Saya percaya, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan graduan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ini mahir secara vokasional dalam mengaplikasikan pengetahuan undang-undang yang diperolehi, dan kemahiran yang berkaitan dengan advokasi dalam mengamalkan undang-undang. Pada masa yang sama, saya turut berharap agar mereka yang bakal menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman pada masa hadapan dapat meningkatkan keupayaan masing-masing dan tidak melihat Peperiksaan ini sebagai suatu Peperiksaan bagi mendapat pensijilan semata-mata. Sebaliknya, ia hendaklah dilihat sebagai sebahagian daripada latihan untuk saudara dan saudari menjadi seorang peguam yang benar-benar berjaya.

16. Selaras dengan ini juga, bermula pada tahun 2018, format Peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi kertas mata pelajaran *Criminal Procedure* akan diubah dengan memasukkan soalan wajib untuk dijawab oleh calon. Perubahan ini adalah bertujuan

untuk menilai kebolehan calon dalam memahami perkara asas dalam undang-undang prosedur jenayah. Diharapkan dengan cara ini, lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman kelak akan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang undang-undang prosedur jenayah sekaligus meningkatkan kualiti bakal-bakal peguam yang berminat untuk beramal dalam bidang undang-undang jenayah Malaysia.

Ampun Tuanku,

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

17. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Lembaga Kelayakan bagi tahun 2017. Di samping kesibukan tugas rasmi yang mencabar, mereka semua telah menjalankan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi dalam menentukan hala tuju Lembaga Kelayakan.

18. Untuk makluman semua juga, tempoh lantikan salah seorang daripada Ahli Lembaga Kelayakan iaitu Yang Berbahagia Datin Paduka Profesor Madya Saudah Sulaiman telah tamat pada bulan Julai 2017 yang lalu. Bagi pihak semua Ahli Lembaga Kelayakan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada beliau atas sumbangan idea dan pandangan yang bernas yang diberikan selama tujuh tahun beliau menjadi Ahli Lembaga Kelayakan sejak Mei tahun 2010.

19. Seterusnya, saya turut mengalu-alukan pelantikan Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Johan bin Shamsudin, Dekan Fakulti Undang-Undang merangkap Pengerusi Majlis Dekan Undang-Undang, Institusi Pengajian Tinggi Awam sebagai Ahli Lembaga Kelayakan mulai bulan Mac 2018. Saya yakin dengan pelantikan ini, Profesor Madya Dr. Johan bin Shamsudin akan dapat memberikan sumbangan sewajarnya

kepada Lembaga Kelayakan untuk ia terus menjalankan fungsinya di bawah undang-undang dengan jayanya.

20. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran penjalanan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman termasuklah Penyedia Kertas Soalan, Pemeriksa Skrip Jawapan, ahli Jawatankuasa Pemeriksa, Seksyen Peperiksaan, Universiti Malaya dan semua pegawai dan kakitangan Lembaga Kelayakan.

21. Akhir sekali, kepada semua calon-calon yang lulus, setinggi-tinggi tahniah diucapkan. Tidak lupa juga kepada kepada para ibubapa yang telah bertungkus-lumus untuk membesarkan dan memberikan sokongan dalam segala aspek, sama ada kewangan mahupun sokongan moral. Kejayaan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini adalah juga kejayaan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Buat graduan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, diharapkan segala pengorbanan yang dicurahkan oleh ibubapa masing-masing

tidak akan dipersiapkan dan akan sentiasa menjadi pendorong kepada saudara saudari sekalian dalam meneruskan cita-cita masing-masing untuk menceburi profesion undang-undang. Lembaga Kelayakan berharap saudara dan saudari yang diraikan pada hari ini dapat terus cemerlang terutamanya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada mereka yang memerlukan nasihat undang-undang dan bantuan guaman kelak. Dengan kerja keras, saya yakin bahawa setiap seorang daripada saudara/saudari mempunyai potensi untuk berjaya dalam laluan kerjaya yang dipilih. Selamat maju jaya!

Ampun Tuanku,

22. Sekali lagi, patik bagi pihak ahli-ahli Lembaga Kelayakan dan semua yang hadir menjunjung kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang berkenan berangkat ke Majlis ini.

Ampun Tuanku.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatulahi Wabarakatuh.